# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Pinjaman Luar Negeri (Pindaan) 1983**

**DR.26/1983**

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pinjaman Luar Negeri 1963.

[*15hb Jun 1963.*]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pinjaman Luar Negeri (Pindaan) 1983 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 15hb Jun 1963. **Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.**

**2.** Seksyen 4 Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 adalah dipinda— **Pindaan seksyen 4.** ***Akta 22/63.***

(*a*) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen (1) yang berikut:

"(1) External loans shall be raised—

(*a*) in such manner;

(*b*) by such arrangement; or

(*c*) by the creation and issue of such securities,

as the Minister thinks fit.";

(*b*) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen (1A) yang berikut:

"(1A) Without prejudice to sub-section (2), any external loan raised under sub-section (1) shall be subject to such terms and conditions as may be determined by or with the authority of the Minister.";

(*c*) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "any external loan" dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan "under paragraph (*c*) of sub-section (1)";

(*d*) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "any external loan" dalam subseksyen (3) perkataan-perkataan "under paragraph (*c*) of sub-section (1)";

(*e*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Sub-section (2)" dalam subseksyen (4) dengan perkataan-perkataan "Sub-sections (1), (1A) and (2)";

(*f*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "sub-section (2) shall" dalam subseksyen (5) dengan perkataan-perkataan "sub-sections (1), (1A) and (2) may";

(*g*) dengan memotong perkataan-perkataan "securities issued for" dalam perenggan (*b*) subseksyen (5); dan

(*h*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "sub-section (2) has" dalam subseksyen (6) dengan perkataan-perkataan "sub-sections (1), (1A) and (2) have".

---

## HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 4 Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 bagi mengadakan peruntukan yang lebih jelas bagi seksyen itu dan yang lebih fleksibel tentang cara mendapatkan pinjaman luar negeri.

2. *Fasal 2* (*a*) bertujuan menggantikan subseksyen (1) seksyen 4 Akta yang ada dengan suatu subseksyen (1) yang diubahsuai. Ubahsuaian ini adalah bertujuan mengadakan peruntukan bagi mendapatkan pinjaman luar negeri, bukan sahaja dengan mewujud dan mengeluarkan sekuriti-sekuriti, malah dengan mana-mana cara atau perkiraan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri. Sebagaimana sekuriti-sekuriti yang dikeluarkan bagi mendapatkan apa-apa pinjaman luar negeri boleh tertakluk kepada terma dan syarat tertentu yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) seksyen 4 Akta, begitulah juga dengan *Fasal 2* (*b*) yang bertujuan mengadakan peruntukan, melalui subseksyen (1A) seksyen 4 Akta yang dicadangkan, supaya sesuatu pinjaman luar negeri yang didapati

di bawah subseksyen (1) seksyen 4 Akta tertakluk kepada terma dan syarat sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri atau dengan kuasa Menteri.

3. *Fasal* 2 (*c*) hingga 2 (*h*) yang pada hakikatnya membuat peruntukan mengenai pindaan yang berbangkit dari pindaan-pindaan yang dibuat oleh *Fasal* 2 (*a*) dan 2 (*b*).

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1184.]